



ANGGOTA Bomba dan Penyelamat membantu memindahkan kanak-kanak di sebuah tadika di Bandar Puncak Alam yang dilanda banjir kelmarin.

Banjir di Puncak Alam perlu ditangani dengan serius

SHAH ALAM – Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Selangor perlu memandang serius isu banjir di Puncak Alam kerana ia akan menjejaskan kehidupan serta keselamatan penduduk.



Menurut Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim, (**gambar kecil**) kerajaan negeri wajib menyalurkan peruntukan yang besar untuk mengatasi masalah perparitan

serta kolam takungan agar ia tidak akan berlaku pada masa akan datang.

“Saya juga menyarankan segala kerosakan rumah harus ditanggung oleh kerajaan negeri. Audit keselamatan dan kaedah menangani permasalahan ini daripada tidak berlaku

pada masa akan datang juga harus dilakukan dengan segera.

“Sebuah jawatankuasa banjir yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Kuala Selangor perlu diwujudkan untuk mengenal pasti permasalahan di kawasan Puncak Alam,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Irmohizam berkata, peristiwa bencana banjir yang berlaku jelas membuktikan kerajaan negeri langsung tidak cekap dalam isu-isu penghidupan rakyat mungkin kerana leka berpolitik.

Beliau mengulas kejadian banjir kilat yang berlaku di Puncak Alam berikutan hujan lebat selama empat jam kelmarin.

Dalam kejadian tersebut 20 kanak-kanak dan lima guru mereka terpaksa dipindahkan ke kawasan selamat apabila sebuah tadika dinaiki air.